

163 - Hafs bin `Umar meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah meriwayatkan kepada kami, katanya: Asy`ats bin Sulaim meriwayatkan kepada kami, katanya: Saya telah mendengar ayah saya meriwayatkan daripada Masruq daripada `Aaisyah, beliau bercerita: "Nabi s.a.w suka mengangan dalam memakai seliparnya, menyikat rambutnya dan bersucinya. Malah dalam segala pekerjaannya⁴⁰."

بَابُ التَّمَسُّكِ الْوُضُوءِ إِذَا حَانَ الصَّلَاةُ وَقَالَتْ عَائِشَةُ حَضَرَتِ الصُّبْحُ فَالْتَمَسَ الْمَاءُ فَلَمْ
يُوجَدْ فَتَزَلَّ التَّيَمُّمُ

32- Bab: Mencari Air Sembahyang Apabila Telah Hampir Waktu Sembahyang Dan `Aaisyah berkata: "Waktu Subuh Telah Pun Masuk, Air Dicari Tetapi Tidak Ditemui, Maka Turunlah (Ayat Tentang Hukum) Tayammum⁴¹."

١٦٤ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّهُ قَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَحَانَ صَلَاةُ الْعَصْرِ فَالْتَمَسَ النَّاسُ الْوُضُوءَ فَلَمْ يَجِدُوهُ فَأَتَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِوُضُوءٍ فَوَضَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ذَلِكَ الْإِنَاءِ يَدَهُ وَأَمَرَ النَّاسَ أَنْ يَتَوَضَّئُوا مِنْهُ قَالَ فَرَأَيْتُ الْمَاءَ يَنْبُعُ مِنْ تَحْتِ أَصَابِعِهِ حَتَّى تَوَضَّئُوا مِنْ عِنْدِ آخِرِهِمْ

164 - `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Ishaq bin `Abdillah bin Abi Thalhah daripada Anas bin Malik, beliau berkata: "Saya melihat Rasulullah s.a.w ketika hampir masuk waktu sembahyang `Ashar, sementara orang ramai pula mencari air untuk berwudhu' tetapi tidak mereka temui. Kemudian dibawa kepada Rasulullah s.a.w (sedikit) air untuk berwudhu', maka Rasulullah s.a.w meletakkan tangannya di dalam bekas air itu dan

⁴⁰ Ibnu Daqiqil `id berkata: "Masuk ke tempat membuang air dan keluar dari masjid terkecuali dari apa yang tersebut di dalam hadits ini berdasarkan hadits-hadits yang lain. Kerana di situ disunatkan seseorang mendahulukan kaki kirinya bukan kaki kanannya.

⁴¹ Bab ini diadakan oleh Imam Bukhari dengan tujuan menyatakan bahawa tidak wajib mencari air untuk bersuci sebelum masuknya waktu sembahyang. Ini kerana Nabi s.a.w tidak menegur para sahabat atas kelewatan mereka mencari air. Malah mereka mencari air setelah masuk waktu sembahyang Subuh.

menyuruh supaya orang ramai mengambil air sembahyang dari bekas itu". Anas menceritakan: "Saya melihat air memancut keluar dari bawah jari-jemarinya sehingga selesai mereka semua berwudhu"⁴².

بَابُ الْمَاءِ الَّذِي يُغْسَلُ بِهِ شَعْرُ الْإِنْسَانِ وَكَانَ عَطَاءٌ لَا يَرَى بِهِ مِائَةً أَنْ يَتَّخِذَ مِنْهَا الْخَبِطُ
وَالْجِبَالُ وَسُورُ الْكِلَابِ وَمَمَرُهَا فِي الْمَسْجِدِ وَقَالَ الزُّهْرِيُّ إِذَا وَلَعَ فِي إِيَّاهُ لَيْسَ لَهُ وَضوءٌ
غَيْرُهُ يَوْضًا بِهِ وَقَالَ سُفْيَانُ هَذَا الْفَقْهُ بِعَيْنِهِ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى (فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا)
وَهَذَا مَاءٌ وَفِي النَّفْسِ مِنْهُ شَيْءٌ يَوْضًا بِهِ وَيَتَيَمَّمُ

33- Bab: Tentang Air Yang Dibasuh Dengannya Rambut (Atau Bulu) Manusia. 'Atha' berpendapat tidak ada apa-apa kesalahan menggunakan air seperti itu, juga tidak mengapa untuk dijadikan daripadanya benang atau tali. Dan (Bab Tentang) sisa anjing dan tempat lalu anjing di masjid. Al-Zuhri berkata: "Apabila anjing menjilat Di dalam bekas air seseorang Yang tidak Mempunyai air lain untuk berwudhu' selain air itu, Ia Boleh berwudhu' dengannya." Sufyan (pula) berkata: "Inilah Fiqh yang sebenarnya, kerana Allah Berfirman: (فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا)
. Ini adalah air (sudah ada air), tetapi Jiwa berasa ragu terhadapnya. Orang yang Berada dalam keadaan Sebegini boleh Berwudhu' dengannya Di Samping bertayamum⁴³.

⁴² Hadits ini menunjukkan satu mu'jizat Nabi s.a.w yang sangat besar, lebih besar lagi daripada mu'jizat Nabi Musa yang telah memancutkan air dari batu dengan pukulan tongkatnya. Ini kerana keluarnya air dari batu merupakan sesuatu yang thabi'e meskipun jarang ditemui. Tetapi keluarnya air dengan memancut dari jari-jemari manusia adalah perkara luar biasa malah mustahil berlakunya menurut hukum 'adat. Satu bekas berisi air yang hanya mencukupi untuk seorang sahaja berwudhu', tiba-tiba apabila dimasukkan tangan Nabi s.a.w ke dalamnya telah memenuhi keperluan kira-kira tiga ratus orang sahabat (menurut satu riwayat) untuk berwudhu'!

⁴³ Menerusi bab ini Imam Bukhari mahu menyatakan dua perkara. Pertama: Sucinya rambut atau bulu manusia sama ada yang masih berada di tubuhnya atau yang telah terpisah darinya. Demikian juga

١٦٥ - حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْرَائِيلُ عَنْ عَاصِمٍ عَنْ ابْنِ سِيرِينَ قَالَ قُلْتُ لِعَبِيدَةَ عِنْدَنَا مِنْ شَعْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَصَبْتَاهُ مِنْ قِبَلِ أَنَسٍ أَوْ مِنْ قِبَلِ أَهْلِ أَنَسٍ فَقَالَ لَأَنْ تَكُونَ عِنْدِي شَعْرَةٌ مِنْهُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا

165 - Malik bin Isma'il meriwayatkan kepada kami, katanya: Israil meriwayatkan kepada kami daripada 'Aashim daripada Ibnu Sirin, katanya: Pernah aku menceritakan kepada 'Abidah: "Pada kami ada rambut Nabi s.a.w. Kami telah memperolehnya dari pihak Anas atau (syak perawi) dari pihak keluarga Anas. Maka berkatalah 'Abidah: "Andaikata hanya sehelai saja rambut Nabi s.a.w itu ada padaku, niscaya ia terlebih baik bagiku daripada (memiliki) dunia dan segala isinya."

١٦٦ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحِيمِ قَالَ أَخْبَرَنَا سَعِيدُ بْنُ سُلَيْمَانَ قَالَ حَدَّثَنَا عَبَادٌ عَنْ ابْنِ عَوْنٍ عَنْ ابْنِ سِيرِينَ عَنْ أَنَسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا حَلَقَ رَأْسَهُ كَانَ أَبُو طَلْحَةَ أَوَّلَ مَنْ أَخَذَ مِنْ شَعْرِهِ

166 - Muhammad bin 'Abdir Rahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Sa'id bin Sulaiman meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abbaad meriwayatkan kepada kami daripada Ibnu 'Aun daripada Ibnu Sirin daripada Anas: "Bahawasanya Rasulullah s.a.w apabila mencukur rambutnya, Abu Thalhahlah orang yang mula-mula mengambil sebahagian daripada rambutnya itu⁴⁴."

dengan bulu binatang yang halal dimakan. Berkenaan dengan bulu binatang yang haram dimakan atau binatang halal yang tidak disembelih pula para 'ulama' berbeza pendapat tentangnya. Walaubagaimanapun kebanyakan 'ulama' mengatakan ia juga suci. Muhalab berkata: "Dengan tajuk ini Bukhari bermaksud menolak pendapat As-Syafi'e tentang najisnya rambut atau bulu manusia apabila terpisah dari tubuhnya. Air yang dimasuki rambut atau bulu itu pula akan menjadi najis menurut As-Syafi'e." Kedua: Suciya anjing dan sisa jilatannya. Dalam perkara ini pendapat Imam Bukhari lebih kurang sama dengan pendapat Imam Malik dan sekumpulan 'ulama' yang lain.

⁴⁴ Dengan hadits ini dan hadits sebelum ini Imam Bukhari bermaksud membuktikan bahawa rambut atau bulu manusia itu suci walaupun telah terpisah dari tubuh tuannya. Ini kerana jika rambut dan bulu manusia itu najis, niscaya Abu Thalhah dan keluarganya begitu juga dengan orang-orang selepas mereka tidak akan menyimpan rambut Nabi s.a.w dan mengambil berkat dengannya. Sesuatu yang najis, tentu sekali tidak layak disimpan atau diambil berkat dan dianggap sangat berharga sehingga 'Abidah berkata: "Andaikata hanya sehelai saja rambut Nabi s.a.w itu ada padaku, niscaya ia terlebih baik bagiku daripada (memiliki) dunia dan segala isinya."